

Percuma



www.jomsolah.com

قندوان برکاءیتن صلاة مسافر

Panduan Berkaitan Solat Musafir

Ustaz Salehuddin bin Abu Samah

B.A SYARIAH (Hons.) Islamic University Of Madinah,
Diploma Pendidikan (KPLI) Institut Pendidikan Guru Malaysia Sarawak



www.jomsolah.com

قندوان برکاءیتن صلاة مسافر

Panduan Berkaitan Solat Musafir

Kandungan oleh :

Ustaz Salehuddin bin Abu Samah

Grafik :

JOMSOLAH DOTCOM

Panduan Berkaitan Solat Musafir

Jom Solat (2013)

Cetakan 1437 H • 2016 Masihi

Buku Panduan Berkaitan Solat Musafir ini adalah percuma. **Tidak dibenarkan** mengeluarkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman dan lain-lain untuk tujuan perniagaan atau perkara-perkara yang melibatkan keuntungan.

Semoga Allah mengurniakan sebaik-baik ganjaran kepada semua pihak yang telah menyumbang untuk penghasilan dan mencetak buku Panduan Berkaitan Solat Musafir ini.

"Ya Allah, terimalah amal kami yang sedikit ini dan jadikanlah amalan tersebut ikhlas semata-mata mengharapkan redhaMu."



Penerbit

JOMSOLAH DOTCOM
(002401187-M)

www.jomsolah.com
www.facebook.com/jomsolah



Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Kata-Kata Aluan Mufti Wilayah Persekutuan

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad Sollallahu 'Alaihi Wasallam, kaum keluarganya, para sahabatnya dan para pengikutnya.

Syukur kepada Allah kerana dengan limpah kurnia-Nya, buku kecil **Panduan Berkaitan Solat Musafir** ini dapat diterbitkan untuk tatapan dan panduan para pembaca muslimin dan muslimat. Buku ini disusun oleh Ustaz Salehuddin bin Abu Samah, Penolong Pengurus, Jabatan Semakan Syariah, Bahagian Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad, Kuala Lumpur dan dibantu dari sudut grafiknya oleh JomSolah DotCom.

Pada hemat saya, buku kecil ini telah disusun dengan cara merujuk kepada sumber yang jelas dan dikemukakan dalam bentuk yang menarik. Huraian ringkas tentang Solat Musafir dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya yang disertakan dengan gambar rajah yang jelas dan menarik dapat membantu ke arah memberikan panduan kepada muslimin dan muslimat untuk melaksanakan ibadah solat ketika bermusafir.

Mudah-mudahan, usaha ini dapat membimbing masyarakat ke arah melakukan Solat Musafir dengan cara yang betul mengikut panduan Rasulullahu 'Alaihi Wasallam sepertimana yang dihuraikan oleh para alim ulama.

Saya bagi pihak Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan berharap agar buku kecil ini dapat dimanfaatkan oleh semua kelompok lapisan masyarakat. Semoga usaha murni seperti ini dapat diteruskan lagi dan sumbangan semua pihak yang terlibat dalam menghasilkan dan menyebarkan buku yang bermanfaat ini mendapat sebaik-baik ganjaran di sisi Allah 'Azza Wajalla.

S.S. DATUK DR. ZULKIFLI BIN MOHAMAD AL-BAKRI
Mufti Wilayah Persekutuan

Doa Menaiki Kendaraan

بِسْمِ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ،

Dengan nama Allah dan segala puji bagi Allah.

سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ ﴿١٣﴾ وَإِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ ﴿١٤﴾ (سورة الزخرف)

Maha Suci Tuhan yang telah mempermudah kendaraan ini untuk kami, sedang kami sebelum ini tidak mampu menguasainya. Sesungguhnya kepada tuhan kamillah, kami akan kembali. (Surah Az-Zukhruf)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ،

Segala puji bagi Allah, Segala puji bagi Allah, Segala puji bagi Allah,

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar,

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

Maha Suci Engkau ya Allah, sesungguhnya aku telah menzalimi diriku. Justeru, ampunilah diriku. Sesungguhnya tiada yang boleh mengampunkan dosa melainkan Engkau.

(Sumber : Hadith Sahih riwayat Imam at-Tirmizi)

Doa Musafir

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،

Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar

سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ ﴿١٣﴾ وَإِنَّا إِلَىٰ رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ ﴿١٤﴾ (سورة الزخرف)

Maha Suci Tuhan yang telah mempermudah kendaraan ini untuk kami, sedang kami sebelum ini tidak mampu menguasainya. Sesungguhnya kepada tuhan kamilah, kami akan kembali. (Surah Az-Zukhruf)

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ فِي سَفَرِنَا هَذَا الْبِرَّ وَالتَّقْوَىٰ، وَمِنَ الْعَمَلِ مَا تَرْضَىٰ،

Ya Allah, kami memohon kepada-Mu agar mengurniakan dalam perjalanan kami ini kebaikan, ketakwaan dan amalan yang Engkau redhai.

اللَّهُمَّ هَوِّنْ عَلَيْنَا سَفَرَنَا هَذَا وَاطْوِ عَنَّا بُعْدَهُ،

Ya Allah, permudahkanlah permusafirannya kami ini dan dekatkanlah jarak perjalanannya.

اللَّهُمَّ أَنْتَ الصَّاحِبُ فِي السَّفَرِ، وَالْخَلِيفَةُ فِي الْأَهْلِ،

Ya Allah, Engkau lah peneman dalam perjalanan dan pemelihara kepada ahli keluarga yang ditinggalkan.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنْ وَعَثَاءِ السَّفَرِ، وَكَآبَةِ الْمَنْظَرِ، وَسُوءِ الْمُنْقَلَبِ فِي الْمَالِ وَالْأَهْلِ.

Ya Allah, kami berlindung dengan-Mu daripada kesukaran perjalanan, pandangan yang menyusahkan hati dan keburukan yang boleh menimpa harta dan ahli keluarga.

Apabila kembali dari permusafirannya, bacalah doa di atas dan ditambah dengan bacaan di bawah:

آيُّونَ، تَائِبُونَ، عَابِدُونَ، لِرَبِّنَا حَامِدُونَ.

Kami kembali dalam keadaan memohon keampunan dan memperhambakan diri kepada Allah. Kepada Tuhan kami jualah kami mengucapkan puji-pujian.

(Sumber : Hadith Sahih riwayat Imam Muslim)

PELUANG INFAQ FISABILILLAH

UNTUK PERCETAKAN DAN PENYEBARAN BUKU TERBITAN
JOMSOLAH DOTCOM



Jazakumullahu khaira di atas sumbangan dan infaq daripada semua para penyumbang yang budiman. Semoga Allah Taala menerima amalan kita semua dan menjadikan kita di kalangan hamba-hamba-Nya yang soleh.

جَزَاكُمُ اللَّهُ خَيْرًا وَبَارَكَ اللَّهُ فِيكُمْ



No. Akaun **JomSolah DotCom**
5643 5150 8075 - Maybank Islamic

URL • www.jomsolah.com  www.facebook.com/jomsolah

وَمَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ ابْتِغَاءَ
مَرْضَاتِ اللَّهِ وَتَثْبِيتًا مِّنْ أَنفُسِهِمْ
كَمَثَلِ جَنَّةٍ بِرَبْوَةٍ أَصَابَهَا وَابِلٌ فَآتَتْ
أُكْلَهَا ضَعْفَيْنِ فَإِن لَّمْ يُصِبْهَا وَابِلٌ
فَطَلَّ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٢٦٥﴾

Dan perumpamaan orang-orang yang membelanjakan hartanya karena mencari keredhaan Allah dan untuk keteguhan jiwa mereka, seperti sebuah kebun yang terletak di dataran tinggi yang disiram oleh hujan lebat, maka kebun itu menghasilkan buahnya dua kali ganda. Jika hujan lebat tidak menyiraminya, maka hujan gerimis (pun memadai).

Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu lakukan.

(Surah Al Baqarah, ayat 265)





Isi kandungan

m/s

Pengertian Solat Musafir	8
Cara Solat Musafir	9
Solat Qasar	11
Syarat Solat Qasar	16
Solat Jama'	25
Jenis Solat Jama'	27
Solat Yang Boleh Dijama'kan	37
Solat Yang Tidak Boleh Dijama'kan	38
Syarat Jama' Taqdim	39
Syarat Jama' Ta'akhir	43
Syarat-Syarat Perjalanan Yang Diharuskan Qasar Dan Jama'	47
Hukum Semasa Tentang Solat Jama'	53
Simulasi Pergerakan Cara Solat Jama' Taqdim & Qasar	54
Rujukan	59





Pengertian Solat Musafir

Solat Musafir ialah :
Solat Fardhu yang ditunaikan dengan cara yang khusus mengikut syarat-syarat yang tertentu yang telah ditetapkan oleh syara'.



Cara Solat Musafir


Terdapat 2 cara Solat Musafir:

1 Qasar :
Mengurangkan bilangan rakaat

2 Jama' :
Menghimpunkan dua solat pada satu masa ketika menunaikannya



Cara Solat Musafir





Solat Qasar

- **Solat Qasar** ialah memendekkan solat yang empat rakaat kepada dua rakaat sahaja.
- Contohnya Solat Zohor, Asar dan Isya' yang asalnya empat rakaat ditunaikan secara dua rakaat sahaja.



Solat Qasar



Perbezaan bilangan rakaat Solat Tamam & Solat Qasar

Jenis Solat	Solat Tamam (Sempurna)	Solat Qasar
Solat Zohor	4 Rakaat	2 Rakaat
Solat Asar		
Solat Isya'		



Solat Qasar

Cara niat Solat Qasar

“Sahaja aku solat Fardhu Zohor/Asar/Isya’
dua rakaat qasar kerana Allah Taala.”



Solat Qasar

Dalil Pensyariatan Solat Qasar

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ
أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ

Maksudnya :

"Apabila kamu bermusafir, adalah tidak menjadi kesalahan kepadamu untuk memendekkan solatmu."

(Surah An-Nisa' : 101)



Solat Qasar

Dalil daripada Hadith

عَنْ يَعْلَى بْنِ أُمِيَّةَ قَالَ قُلْتُ لِعُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ { لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ يَفْتِنَكُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا } فَقَدْ أَمِنَ النَّاسُ فَقَالَ عَجِبْتُ مِمَّا عَجِبْتَ مِنْهُ فَسَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ذَلِكَ فَقَالَ صَدَقَةٌ تَصَدَّقَ اللَّهُ بِهَا عَلَيْكُمْ فَأَقْبَلُوا صَدَقَتَهُ

Maksudnya :

Daripada Ya'la bin Umayyah katanya : Aku menyebut kepada Umar tentang firman Allah:

{ لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَقْصُرُوا مِنَ الصَّلَاةِ إِنْ خِفْتُمْ أَنْ يَفْتِنَكُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا }

Maksudnya : “Tidak mengapa kamu mengqasarkan solat jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir”. Bagaimana pula ketika keadaan orang ramai telah pun aman? Umar berkata: Aku pun tertanya-tanya tentang perkara tersebut. Lalu aku bertanya Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam. Baginda menjawab: Itu adalah sedeqah daripada Allah kepada kamu semua. Maka terimalah sedeqah-Nya.



Syarat Solat Qasar

- 1** Solat Fardhu berkenaan wajib ke atas orang yang bermusafir itu ketika dia bermusafir.
- 2** Perjalanannya telah melepasi sempadan qaryahnya.
- 3** Tidak berniat menetap selama empat hari di tempat yang ditujuinya.
(Tidak termasuk hari mula sampai dan hari keluar)
- 4** Tidak mengikut imam yang bermuqim.



Syarat Solat Qasar

1

Perincian: Syarat Pertama

“Solat Fardhu berkenaan wajib ke atas orang yang bermusafir itu ketika dia bermusafir.”

Solat yang telah masuk waktunya tetapi belum ditunaikan sebelum memulakan perjalanan, **TIDAK BOLEH DIQASARKAN** kerana dia belum dikatakan musafir ketika solat tersebut wajib ke atasnya.



Syarat Solat Qasar

1

Perincian: Syarat Pertama

Perhatian!

Solat yang masuk waktunya ketika bermusafir tetapi dia tidak menunaikannya sehingga balik semula ke tempatnya, solat tersebut **TIDAK BOLEH DIQASARKAN** lagi.

Hal ini kerana dia sudah keluar daripada hukum orang yang bermusafir.



Syarat Solat Qasar

Perincian: Syarat Kedua

2

“Perjalanannya telah melepasi sempadan qaryahnya”

- **TIDAK BOLEH QASAR** jika masih berada dalam rumahnya
- **BOLEH QASAR** di Lapangan Terbang jika rumahnya tidak berhampiran dengan Lapangan Terbang

Syarat Solat Qasar

Perincian: Syarat Ketiga

**“Tidak berniat menetap selama empat hari atau lebih di tempat yang ditujunya.
(Tidak termasuk hari mula sampai dan hari keluar)”**

Apabila seseorang itu menetap selama empat hari ke atas maka jadilah tempat yang ditujui itu seolah-olah tempatnya yang tetap mengikut hukum Feqah.

Oleh itu, dia tidak boleh Qasar lagi kecuali jika dia memulakan perjalanan semula.

3





Syarat Solat Qasar

Perincian: Syarat Ketiga

3

Perhatian!

Jika seseorang itu tidak pasti tempoh untuk menetap di sesuatu tempat musafirnya maka dia **BOLEH** mengqasarkan solatnya **sehingga 18 hari** tidak termasuk hari sampai dan hari balik.



3

Panduan Berkaitan Solat Musafir

Syarat Solat Qasar

Perincian: Syarat Ketiga

Dalilnya:

عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ قَالَ
عَزَوْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَشَهِدْتُ مَعَهُ الْفَتْحَ فَأَقَامَ بِمَكَّةَ ثَمَانِي
عَشْرَةَ لَيْلَةً لَا يُصَلِّي إِلَّا رَكَعَتَيْنِ
وَيَقُولُ يَا أَهْلَ الْبَلَدِ صَلُّوا أَرْبَعًا
فَإِنَّا قَوْمٌ سَفَرٌ

Daripada Imran bin Husain Radhiallahu 'Anhu kata :

“Aku berperang bersama-sama Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam dalam Peperangan Pembukaan Kota Makkah. Baginda tinggal di Makkah selama 18 hari dan Baginda mengqasarkan solat. Baginda berkata kepada penduduk Makkah yang lain :“ Kalian solatlah empat rakaat, sesungguhnya kami adalah orang-orang yang bermusafir”.

Riwayat Abu Daud



Syarat Solat Qasar

Perincian: Syarat Keempat

4

“Tidak mengikut imam yang bermuqim”

- Jika berimamkan orang yang bermuqim, dia hendaklah bersolat sepenuhnya tanpa qasar.
- Tetapi jika orang yang bermusafir menjadi imam, **BOLEH** untuknya mengqasarkan solat.
- Makmum yang bermuqim perlu menyempurnakan solat tersebut.



Syarat Solat Qasar

Perincian: Syarat Keempat

4

Dalilnya:

وَيَقُولُ يَا أَهْلَ الْبَلَدِ صَلُّوا أَرْبَعًا فَإِنَّا قَوْمٌ سَفَرٌ

Maksudnya:

Baginda berkata kepada penduduk Makkah yang lain :
“Kalian solatlah empat rakaat, sesungguhnya kami adalah orang-orang yang bermusafir”.

Riwayat Abu Daud



Solat Jama'

- Menghimpunkan dua solat pada satu masa ketika menunaikannya.
- Contohnya menunaikan Solat Zohor dan Asar dalam waktu Zohor.



Solat Jama'

Dalil Pensyariatan Solat Jama'

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَجْمَعُ بَيْنَ
صَلَاةِ الظُّهْرِ وَالْعَصْرِ إِذَا كَانَ عَلَى ظَهْرِ سَيْرٍ
وَيَجْمَعُ بَيْنَ الْمَغْرِبِ وَالْعِشَاءِ

Maksudnya :

"Adalah Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam menghimpunkan di antara Solat Zohor dengan Asar dan Maghrib dengan Isya' apabila baginda dalam keadaan musafir."

Riwayat Al-Bukhari



Jenis Solat Jama'

Terdapat 2 Jenis Solat Jama':

1 Jama' Taqdim:

Menghimpunkan solat yang kemudian pada solat yang pertama.
Contohnya menunaikan Solat Zohor dan Asar dalam waktu Zohor

2 Jama' Ta'khir:

Menghimpunkan solat yang awal pada solat yang kedua.
Contohnya menunaikan Solat Maghrib dan Isya' dalam waktu Isya'.



Jenis Solat Jama'

1 **Jama' Taqdim**
(Dua fardhu solat ditunaikan pada waktu yang **pertama**)

2 **Jama' Ta'khir**
(Dua fardhu solat ditunaikan pada waktu yang **kedua**)



Jenis Solat Jama'

Cara Solat Jama'

Di Antara Solat Zohor & Asar

Solat Zohor	Solat Asar	Jama' Taqdim (Solat pada Waktu Zohor)	Jama' Ta'khir (Solat pada Waktu Asar)
4 Rakaat	4 Rakaat	<i>Zohor Asar</i> $4 + 4 = 8$ Rakaat (2 Salam)	<i>Asar Zohor</i> $4 + 4 = 8$ Rakaat (2 Salam)



Jenis Solat Jama'

Cara Solat Jama' & Qasar

Di Antara Solat Zohor & Asar

**Solat
Zohor**

**Solat
Asar**

**Qasar Dan
Jama' Taqdim**
(Solat pada Waktu Zohor)

**Qasar Dan
Jama' Ta'akhir**
(Solat pada Waktu Asar)

2 Rakaat
(Secara Qasar)

2 Rakaat
(Secara Qasar)

Zohor Asar

2 + 2 = 4 Rakaat
(2 Salam)

Asar Zohor

2 + 2 = 4 Rakaat
(2 Salam)



Jenis Solat Jama'

Cara Solat Jama'

Di Antara Solat Maghrib & Isya'

**Solat
Maghrib**

3 Rakaat

**Solat
Isya'**

4 Rakaat

Jama' Taqdim
(Solat pada Waktu Maghrib)

Maghrib Isya'

$\textcircled{3} + \textcircled{4} = 7$ Rakaat
(2 Salam)

Jama' Ta'khir
(Solat pada Waktu Isya')

Isya' Maghrib

$\textcircled{4} + \textcircled{3} = 7$ Rakaat
(2 Salam)



Jenis Solat Jama'

Cara Solat Jama' & Qasar

Di Antara Solat Maghrib & Isya'

**Solat
Maghrib**

**Solat
Isya'**

**Qasar Dan
Jama' Taqdim**
(Solat pada Waktu Maghrib)

**Qasar Dan
Jama' Ta'khir**
(Solat pada Waktu Isya')

3 Rakaat

(Tidak boleh digasarkan)

2 Rakaat

(Secara Qasar)

Maghrib *Isya'*
3 + 2 = 5 Rakaat
(2 Salam)

Isya' *Maghrib*
2 + 3 = 5 Rakaat
(2 Salam)



Jenis Solat Jama'

Cara Niat Solat Qasar & Jama' Taqdim (Zohor dan Asar)

“Sahaja aku solat **Fardhu Zohor** dua rakaat **qasar** dihindungkan dengan **Asar** kerana Allah Taala.”

“Sahaja aku solat **Fardhu Asar** dua rakaat **qasar** dihindungkan dengan **Zohor** kerana Allah Taala.”



Jenis Solat Jama'

Cara Niat Solat Qasar & Jama' Ta'khir (Zohor dan Asar)

“Sahaja aku solat **Fardhu Asar** dua rakaat **qasar** dihipunkan dengan **Zohor** kerana Allah Taala.”

“Sahaja aku solat **Fardhu Zohor** dua rakaat **qasar** dihipunkan dengan **Asar** kerana Allah Taala.”



Jenis Solat Jama'

Cara Niat Solat Qasar & Jama' Taqdim (Maghrib dan Isya')

“Sahaja aku solat **Fardhu Maghrib** tiga rakaat dihipunkan dengan **Isya'** kerana Allah Taala.”

“Sahaja aku solat **Fardhu Isya'** dua rakaat **qasar** dihipunkan dengan **Maghrib** kerana Allah Taala.”



Jenis Solat Jama'

Cara Niat Solat Qasar & Jama' Ta'khir (Maghrib dan Isya')

“Sahaja aku solat **Fardhu Isya'** dua rakaat **qasar** dihipunkan dengan **Maghrib** kerana Allah Taala.”

“Sahaja aku solat **Fardhu Maghrib** tiga rakaat dihipunkan dengan **Isya'** kerana Allah Taala.”



Solat Yang **BOLEH** Dijama'kan

1. Solat Zohor boleh dijama'kan dengan Solat Asar
2. Solat Jumaat boleh dijama'kan dengan Solat Asar
(untuk Jama' Taqdim sahaja)
3. Solat Maghrib boleh dijama'kan dengan Solat Isya'



Solat Yang **TIDAK BOLEH** Dijama'kan

1. **TIDAK SAH** dijama'kan Solat Subuh dengan solat sebelum atau selepasnya.
2. **TIDAK SAH** dijama'kan Solat Asar dengan Solat Maghrib



Syarat Jama'Taqdim

- 1** Dilakukan dengan mengikut urutan solat iaitu mendahulukan solat pertama yang empunya waktu kemudian diikuti solat yang kedua.

- 2** Berniat menjama'kan solat yang kedua dengan yang pertama sebelum selesai solat yang pertama.



Syarat Jama' Taqdim

3 Kedua-dua solat dilakukan secara berturutan iaitu memulakan solat yang kedua dengan **SEGERA** sebaik sahaja selesai salam solat yang pertama tanpa dipisahkan dengan berzikir, solat sunat dan sebagainya.

Perhatian

Jika dipisahkan di antara kedua-duanya dengan masa yang lama pada anggapan umum atau melengah-lengahkan solat yang kedua tanpa sebab, **BATALLAH Solat Jama' tersebut.**

AKIBATNYA solat yang kedua itu **WAJIB** ditangguhkan sehingga waktunya tiba.



Syarat Jama'Taqdim

4 Masih dalam musafir sehingga memulakan solat yang kedua. Oleh itu, tidak menjadi masalah sekiranya sampai semula ke tempat asalnya ketika solat yang kedua masih belum selesai.



Syarat Solat Jama' Taqdim

- 1** Ditunaikan mengikut urutan.
- 2** Berniat untuk jama' solat yang kedua sebelum selesai solat yang pertama.
- 3** Ditunaikan secara berturutan tanpa dipisahkan dengan masa yang lama.
- 4** Masih dalam musafir.



Syarat Jama' Ta'khir

Syarat Pertama :

1

- Berniat menjama'kan solat yang pertama dalam waktunya yang asal kepada solat yang kedua.
- Sekiranya tamat waktu Zohor tanpa berniat menjama'kan Solat Zohor kepada Asar maka solat Zohor WAJIB diqadha' serta BERDOSA oleh sebab melengah- lengahkannya.



Syarat Jama' Ta'khir

Syarat Kedua :

- 2 • Masih dalam musafir hingga selesai mengerjakan kedua-dua solat.
- Oleh itu, sekiranya telah sampai sebelum kedua-dua solat berkenaan selesai maka solat yang terkemudian menjadi solat qadha.



Syarat Solat Jama' Ta'khir

1 Berniat menjama'kan solat yang pertama dalam waktunya yang asal kepada solat yang kedua

2 Masih dalam musafir hingga selesai mengerjakan kedua-dua solat



Syarat Jama' Ta'khir

Perhatian!

- Tidak disyaratkan tertib dalam Jama' Ta'khir
- **Boleh mulakan solat dengan mana-mana di antara dua solat yang dikehendaki**
- Tidak disyaratkan berturut-turut di antara dua solat tersebut.
- Namun demikian, berturut-turut adalah Sunnah dan bukan syarat sah Solat Jama' Ta'khir



Syarat-Syarat Perjalanan Yang Diharuskan Qasar & Jama'

- 1** ● Perjalanan tersebut mestilah **melebihi 81 atau 89 Kilometer.**
- 2** ● Perjalanan tersebut mestilah **ada tujuan yang tertentu.**
- 3** ● Perjalanan tersebut **tidak bertujuan maksiat**



Syarat-Syarat Perjalanan Yang Diharuskan Qasar & Jama'



1 Perincian Pertama

Perjalanan tersebut mestilah melebihi **81 Kilometer**.

- Dr.Wahbah Az-Zuhaili berpandangan jarak yang tepat ialah 89km.
- **TIDAK BOLEH** Qasar dan Jama' jika tidak melebihi jarak tersebut.



Syarat-Syarat Perjalanan Yang Diharuskan Qasar & Jama'

1 Perincian Pertama

Perjalanan tersebut mestilah melebihi 81 Kilometer.

**Dalilnya: Berdasarkan Hadith Rasulullah
Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam**

Maksudnya :

- Ibnu 'Umar dan Ibnu 'Abbas Radhiallahu 'Anhuma mengqasarkan solat dan tidak berpuasa dalam perjalanan sejauh 4 Barid iaitu 16 Farsakh (yang menyamai kira-kira 81km.)
- Dua orang sahabat Nabi ini melakukan perkara ini dengan pengetahuan Rasulullah Sollallahu 'Alaihi Wa Sallam
– Rujuk Al-Fiqh Al-Manhaji

Riwayat Al-Bukhari



Syarat-Syarat Perjalanan Yang Diharuskan Qasar & Jama'

2 Perincian Kedua

Perjalanan tersebut mestilah ada tujuan yang tertentu.

- Oleh itu, orang yang merayau-rayau tanpa tujuan **TIDAK BOLEH** Qasar dan Jama'.
- Begitu juga orang yang mengikut ketuanya tanpa mengetahui ke mana hendak dibawa kecuali setelah melepasi jarak yang dibenarkan untuk Qasar dan Jama'.



Syarat-Syarat Perjalanan Yang Diharuskan Qasar & Jama'

3 Perincian Ketiga

Perjalanan tersebut tidak bertujuan maksiat

- **TIDAK BOLEH** Qasar dan Jama' jika bermusafir untuk urusan haram, melancong ke tempat haram, pergi ke pesta dan majlis yang dilarang oleh syara' dan sebagainya.



Syarat-Syarat Perjalanan Yang Diharuskan Qasar & Jama'

3 Perincian Ketiga

Perjalanan tersebut tidak bertujuan maksiat

Perhatian!

Qasar dan Jama' adalah **RUKHSAH** (kemudahan dan keringanan) yang Allah syariatkan untuk menunaikan tanggungjawab sebagai seorang hamba Allah dan ia tidak boleh ada kaitan dengan sebarang perkara yang mengundang kemurkaan Allah



Hukum Hakam Semasa Tentang Solat Jama'



Golongan yang dibenarkan Solat Jama' mengikut Fatwa Syeikh Yusof Al-Qaradhowi

Mereka yang terlibat dalam urusan-urusan yang tidak dapat ditinggalkan seperti :

1. Doktor yang terlibat dengan urusan pembedahan pesakit
2. Polis Trafik yang menjaga lalu lintas

Sumber: www.qaradawi.net

Simulasi Pergerakan Cara Solat Jama' Taqdim & Qasar

Contoh Di Antara Solat Zohor & Asar (2+2)

Zohor

Rakaat 1



1

Niat



2



3



4



5



6



7



8

Rakaat 2



9



10



11



12



13



14



15



16


Memberi Salam



Terus Berdiri

Asar

Rakaat 1



Rakaat 2



Memberi Salam

Simulasi Pergerakan Cara Solat Jama' Taqdim & Qasar

Contoh Di Antara Solat Maghrib & Isya' (3+2)

Tidak boleh
digasarkan

Maghrib


	<i>Niat</i>							
Rakaat 1								
	1	2	3	4	5	6	7	8
Rakaat 2								
	9	10	11	12	13	14	15	
Rakaat 3								
	16	17	18	19	20	21	22	23 <i>Memberi Salam</i>




Terus Berdiri

Isya'

Rakaat 1



Rakaat 2



Memberi Salam



Doa Yang Diajar Oleh Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wa Sallam

Doa Ketika Berhenti Atau Minginap Di Sesuatu Tempat

أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ
مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ

“Aku berlindung dengan kalimat Allah yang sempurna dan daripada kejahatan semua makhluk”.

(Hadith Riwayat Muslim)



Panduan Berkaitan Solat Musafir

Rujukan

1. Al-Quran Al-Karim
2. Kitab Al-Fiqhu Al-Manhaji 'Ala Mazhab Al-Imam Asy-Syafie Cetakan Darul Qalam
3. Terjemahan Kitab Al-Fiqhu Al-Manhaji 'Ala Mazhab Al-Imam Asy-Syafie Terbitan Darul Syakir
4. Panduan Solat Musafir Oleh Ustaz Mohd Saleh bin Haji Ahmad
5. www.qaradawi.net
6. www.islamweb.net
7. www.al-ahkam.net

- Nota kuliah ini adalah ringkasan daripada kuliah panjang yang telah disampaikan.
- Sebahagian daripada nota ini memerlukan kepada huraian yang lebih terperinci.
- Sebarang pembetulan terhadap kesilapan yang ada amatlah dialu-alukan.
- Penyusun memohon maaf di atas segala kekurangan dan kesilapan yang ada.
- Sesungguhnya kesempurnaan adalah hanya milik Allah Taala.

Jom Solat telah diasaskan oleh Nadia Syazwani Binti Zahari (Nadia Zahari 1988-2013) yang telah pulang ke Rahmatullah pada 9 Syawal 1435H bersamaan 16 Ogos 2013.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمَهَا وَعَافِهَا وَاعْفُ عَنْهَا

"Ya Allah, ampunkanlah dosanya, rahmatilah dia, selamatkanlah dia dan maafkanlah dia."



Ustaz Salehuddin bin Abu Samah

B.A SYARIAH (Hons.) Islamic University Of Madinah,
Diploma Pendidikan (KPLI)
Institut Pendidikan Guru Malaysia Sarawak
Panells Tanyalah UstazTV9
Kolumnis Majalah Al-Ustaz)



www.jomsolah.com